



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
BAHAGIAN KEWANGAN
Aras 6-7, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel. : 03-8883 3269/3099/3362
Faks : 03-8883 4389/4364/4395
Web : <http://finance.moh.gov.my>



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO : QMS 02440

Ruj : (4) KKM.400-9/1/3 Jld. 15

Tarikh : 25 Jun 2020

TINDAKAN SERTA-MERTA

Semua Pengarah Institusi
Semua Pengarah Kesihatan Negeri
Kementerian Kesihatan Malaysia

YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan,

CAJ UJIAN PENGESANAN COVID-19 DI PINTU MASUK ANTARABANGSA DAN FASILITI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)

Dengan hormatnya saya adalah diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan, Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Fi bagi Ujian Pengesanan Covid-19) 2020 dijangka berkuatkuasa pada 29 Jun 2020.

3. Sehubungan itu, mana-mana warganegara atau orang asing yang memasuki Malaysia perlu membayar fi bagi ujian pengesanan COVID-19 sebelum mendapat pelepasan imigresen di mana-mana pintu masuk Malaysia. Selain itu, mana-mana warganegara atau orang asing yang menjalani ujian pengesanan COVID-19 **atas permintaan sendiri** di hospital atau mana-mana tempat yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Kesihatan juga perlu dikenakan caj ujian pengesanan COVID-19. Fi bagi ujian pengesanan COVID-19 adalah seperti berikut:

Ujian Pengesanan COVID-19	Fi bagi warganegara	Fi bagi orang asing
Tindak balas berantai <i>polymerase</i>	RM150	RM250
Kit ujian pantas <i>antigen</i>	RM60	RM120
Kit ujian pantas <i>antibody</i>	RM30	RM60

4. Sehubungan itu, pihak YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan adalah dipohon untuk menyelaraskan kutipan hasil di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia dan di pintu masuk antarabangsa termasuklah menyediakan pegawai bertugas untuk membuat kutipan selaras dengan tatacara terimaan sedia ada.

5. Kerjasama pihak YBhg. Datuk / Dato' / Datin / Tuan / Puan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHD AZMAN BIN ISMAIL)
 b.p Ketua Setiausaha
 Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k KSU
 KPK
 TKSU(P)
 TKSU(K)
 TKPK (Perubatan)
 TKPK (Kesihatan Awam)
 TKPK (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)